



GARIS PANDUAN PERMOHONAN SIJIL *TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM (MyTLAS)* SEMENANJUNG

1. PENGENALAN

- 1.1 MTIB mengeluarkan Sijil MyTLAS kepada semua pasaran eksport mulai 1 Januari 2022. Sijil MyTLAS merupakan dokumen pengesahan legaliti yang dikeluarkan secara *voluntary* melalui permohonan daripada syarikat pengeksport dalam memenuhi keperluan negara pembeli. Maklumat lanjut berkenaan latarbelakang, pelaksanaan dan kriteria MyTLAS boleh dirujuk melalui pautan ini <https://www.mtib.gov.my/en/services/registration/MyTLAS>.
- 1.2 Pengeluaran Sijil MyTLAS **akan menggantikan pengeluaran *Statement Legality on Timber Source (SLTS)*** mulai 1 Januari 2022, menjadikan Sijil MyTLAS sebagai dokumen utama pengesahan legaliti kayu dari Semenanjung Malaysia.

2. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan untuk rujukan pihak industri kayu kayan membuat permohonan Sijil MyTLAS kepada MTIB:

3. PERMOHONAN PENGELUARAN SIJIL MyTLAS

- 3.1 Hanya pengeksport yang berdaftar sebagai ***Timber Exporter (TE)*** boleh memohon Sijil MyTLAS. Panduan permohonan pendaftaran MTIB boleh dirujuk di sini <https://www.mtib.gov.my/perkhidmatan/pendaftaran/panduan>.
- 3.2 Pengeksport yang hendak mendapatkan Sijil MyTLAS hendaklah membuat **permohonan permit eksport** termasuk pemeriksaan fizikal secara atas talian. Prosedur Pengeksportan Kayu dan Produk Kayu dirujuk di sini <https://www.mtib.gov.my/perkhidmatan/pendaftaran/prosedur-export>.
- 3.3 Pengeksport hendaklah mengisytihar bahawa kayu adalah daripada **sumber yang sah** dan diproses dengan **mematuhi undang-undang serta peraturan yang sedang berkuatkuasa**. Dokumentasi yang terlibat sepanjang rantai perolehan dan pemprosesan kayu (*chain of custody*) hendaklah disimpan **(sekurang-kurangnya dua tahun)** sebagai pengesahan ke atas status legaliti produk yang dikeluarkan (jika diperlukan).

- 3.4 Semua permohonan bagi Sijil MyTLAS mendapatkan **kelulusan pemeriksaan fizikal**. Carta aliran pemprosesan MyTLAS seperti di **Lampiran 1**.
- 3.5 Pengeluaran Sijil MyTLAS adalah tertakluk kepada bayaran Fi bawah Kuasa Lembaga, Seksyen 20 A, Akta 105, seperti berikut;

Perkhidmatan	Kadar Fi per sijil
1. Pengeluaran sijil	RM100.00 (Bermula Januari 2026)
2. Pindaan sijil	RM110.00
3. Penggantian sijil	RM110.00
4. Permohonan lewat	RM110.00
5. Lanjut tempoh	RM110.00

Nota : Caj perkhidmatan RM100.00 dan sijil pengantian/lewat dan lanjut tempoh sijil baharu RM10.

- 3.6 Pembayaran Sijil MyTLAS secara **cashless** iaitu melalui *instant fund transfer* atau *Cash Deposit Machine (CDM)* kepada nombor akaun (MAYBANK) MTIB seperti di bawah. Pembayaran secara tunai tidak diterima. Sila membuat pembayaran menggunakan nombor akaun mengikut Pejabat MTIB dan **pemulangan (refund) ke atas transaksi tidak tepat adalah tidak dilayan**. Senarai nombor akaun Pejabat MTIB / Wilayah adalah seperti berikut:

BIL	PEJABAT MTIB	NO. AKAUN (MAYBANK)	NO. TELEFON PEJABAT
1.	Ibu Pejabat	5144-0480-1787	03 - 9282 2235
2.	Pulau Pinang	0071-1621-4320	04 - 398 3358
3.	Kuantan	5061-6420-0094	09 - 573 5062/ 63
4.	Klang	5124-5514-9449	03 - 3324 3063
5.	KualaTerengganu	5130-1401-8954	09 - 626 2711
6.	Johor Bahru	5011-2314-5375	07 - 511 6672/ 82
7.	Kota Bharu	5530-1012-3816	09 - 748 3824

- 3.7 Sekiranya urusan dibuat selepas waktu urusan terimaan bayaran (selewatnya pada jam 3.30 petang), resit rasmi akan dikeluarkan pada hari berikutnya. Termasuk kaedah bayaran secara *Inter Bank Giro (IBG)*. Pihak pengeksport diingatkan supaya membayar nilai / *amount* yang tepat bagi setiap permohonan dan tidak membuat pembayaran awal lebih dari tempoh 2 bulan.
- 3.8 Pengeksport diingatkan supaya tidak membuat pembayaran sehinggalah status pemeriksaan *Approved and submitted to SMK* di dalam Sistem MCS.
- 3.9 Permohonan selepas tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan pemeriksaan adalah dianggap sebagai permohonan lewat rujuk para 2.18. Bagi memproses pengeluaran Sijil MyTLAS, pihak Pengeksport hendaklah mengemukakan dokumen - dokumen seperti berikut:
- (a) **Borang A** (seperti di **Lampiran 2**) yang telah lengkap diisi;
 - (b) Bukti pembayaran sebanyak RM100.00 bagi setiap Sijil MyTLAS kepada akaun MTIB setelah status permohonan pemeriksaan *Approved and submitted to SMK* dan tidak lebih dari **14 hari**; dan

(c) Salinan permit eksport yang telah mendapat kelulusan pemeriksaan.

- 3.10 Sekiranya urusan dibuat selepas waktu urusan terimaan bayaran (selewatnya pada jam 3.30 petang), resit rasmi akan dikeluarkan pada hari berikutnya termasuk kaedah bayaran secara *Inter Bank Giro* (IBG).
- 3.11 Pengekport disarankan supaya membayar nilai / *amount* yang tepat bagi setiap permohonan dan tidak membuat pembayaran awal lebih dari tempoh 2 bulan.
- 3.12 Permohonan Sijil MyTLAS lewat hendaklah dikemukakan melalui surat rasmi syarikat beserta alasan kelewatan permohonan kepada Pengarah Pelesenan dan Inspektorat. Permohonan dikemukakan bersama salinan permit eksport MTIB yang masih sah dan dicap pengesahan pemeriksaan.
- 3.13 Sijil MyTLAS siap dalam **tempoh tiga (3) hari bekerja** selepas **Borang A** dan butiran pembayaran lengkap diterima. Contoh Sijil MyTLAS yang telah diluluskan adalah seperti di **Lampiran 3**. Pengekport akan menerima tiga (3) salinan seperti berikut:
 - a) Salinan Asal (*Original Copy*) - berwarna putih;
 - b) Salinan Pihak Berkuasa Negara Penerima - berwarna kuning; dan
 - c) Salinan Pengekport - berwarna merah jambu.

4. PERMOHONAN PINDAAN DAN PENGGANTIAN SIJIL MyTLAS

- 4.1 Permohonan pindaan dan penggantian Sijil MyTLAS hendaklah dikemukakan menggunakan **Borang B** di **Lampiran 4**. Permohonan pindaan Sijil MyTLAS hendaklah mengemukakan dokumen sokongan serta sijil asal perlu dikembalikan kepada MTIB.
- 4.2 Pindaan yang dibenarkan adalah melibatkan maklumat seperti mod pengeksportan (Item 7), berat kasar (Item 15) dan *distinguishing marks* (Item 17) sahaja. Butiran lain adalah tidak dibenarkan. Permohonan pindaan hanya dibenarkan sekali sahaja.
- 4.3 Pihak pengeksport wajib mengembalikan Sijil MyTLAS asal sekiranya memohon pindaan. Jika gagal mengembalikan Sijil MyTLAS asal atau sijil hilang, salinan laporan polis hendaklah dikemukakan kepada MTIB.
- 4.4 Manakala pengantian Sijil MyTLAS hendaklah dikemukakan bersama dokumen sokongan bersama dengan laporan polis merujuk kepada Nama Syarikat dan No. Sijil MyTLAS / No. ID Permit Eksport yang terlibat.
- 4.5 Proses Pindaan dan Penggantian Sijil MyTLAS oleh MTIB adalah dalam tempoh 14 hari selepas kelulusan dan selepas dokumen lengkap diterima seperti di para 3.9.

5. PERMOHONAN LANJUT TEMPOH SAH SIJIL MyTLAS

- 5.1 Pelanjutan tempoh maksimum adalah selama 30 hari sahaja. Permohonan lanjutan tempoh sah Sijil MyTLAS hendaklah mengemukakan **Borang C** seperti di

Lampiran 5 kepada Pejabat MTIB Wilayah, sebelum tarikh tamat tempoh sah Sijil MyTLAS yang dikemukakan bersama dokumen sokongan berikut:


- a) Sijil MyTLAS asal (perlu dikembalikan);
- b) Permit Eksport MTIB yang telah dicap pemeriksaan;
- c) *Invoice*;
- d) *Packing list*; dan
- e) Dokumen berkaitan.

- 5.2 Permohonan akan diproses dalam masa tiga (3) hari bekerja setelah dokumen lengkap diterima. Permohonan yang diterima selepas tamat tempoh Sijil MyTLAS tidak akan dipertimbangkan.
- 5.3 Pihak syarikat hendaklah mengisytiharkan bahawa konsignasi bagi Sijil MyTLAS dikeluarkan, diusahahasil dan diproses daripada sumber yang sah dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang sedang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia. Pihak syarikat juga hendaklah memahami bahawa MTIB mengeluarkan sijil ini berdasarkan waranti / jaminan yang telah pihak syarikat berikan dan waranti / jaminan ini tidak akan menghalang MTIB daripada mengambil sebarang tindakan melalui kuatkuasa (penguatkuasaan) undang-undang.
- 5.4 MTIB dari masa ke semasa akan membuat pemantauan dan lawatan ke syarikat-syarikat yang menerima Sijil MyTLAS untuk membuat pengesahan legaliti ke atas dokumentasi yang terlibat sepanjang rantai perolehan dan pemprosesan kayu.
- 5.5 Pengauditan MyTLAS akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan pihak syarikat hendaklah mengemaskini dokumentasi dan bersedia memberi kerjasama semasa pengauditan MyTLAS.
- 5.6 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai MyTLAS, sila hubungi:

NAMA PEGAWAI	TALIAN MTIB: 03- 92822235	EMEL
Puan Sunita Muhamad	Samb: 1263	sunita@mtib.gov.my
Puan Aimie Aiza Mohd Tusin	Samb:1425	aimie.tusin@mtib.gov.my
Puan Nur Nabilah binti Muhammed Hanafiah	Samb: 1329	nabilah.hanafiah@mtib.gov.my

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Kemaskini: 28 Februari 2025

CARTA ALIRAN PEMROSESAN SIJIL MyTLAS



Jika permohonan tidak lengkap, pemohon perlu mengemukakan permohonan baru.

Jika permohonan tidak diluluskan, pemohon perlu mengemukakan permohonan baru (konsignasi belum sedia).

Jika permohonan tidak diluluskan, pemohon perlu melaksanakan semua keperluan permohonan (bayaran Fi atau mengemukakan permohonan lewat).

*Nota: Semakan data dari maklumat Agensi Pelaksana MyTLAS yang lain akan dibuat mengikut keperluan.



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
 (MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD)
 Kementerian Perladangan dan Komoditi
www.mtib.gov.my

BORANG A

BORANG PERMOHONAN SIJIL MyTLAS
 (MyTLAS CERTIFICATE APPLICATION FORM)

A. MAKLUMAT PEMOHON (APPLICANT INFORMATION)				
Nama Syarikat Pengeksport (Exporter Company Name)				
Alamat Syarikat (Company Address)				
Emel (Email)				
B. BUTIRAN PERMOHONAN (APPLICATION DETAIL)				
Bil. (No.)	No. ID Permit Eksport (Export Permit ID No.)	No. Permit Eksport (Export Permit No.)	*Baharu (New)	*Lewat (Late Submission)
1				
2				
3				
C. BUTIRAN PEMBAYARAN (PAYMENT DETAILS)				
Tarikh pembayaran (Date of Payment)		No Rujukan (Reference No.)		
D. PERAKUAN (ACKNOWLEDGEMENT)				
*Sila tandakan [✓] pada ruangan yang disediakan (Kindly tick the box provided)				
☐ *Saya/ Kami mengisytiharkan bahawa konsignasi yang mana Sijil ini dikeluarkan, diusahahasil dan diproses dari sumber yang sah dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia (I/we hereby declare that the consignment for which this Certificate is issued is harvested and processed legally in accordance with laws and regulations in force in Malaysia).				
☐ *Saya/kami sedar bahawa MTIB mengeluarkan sijil ini berdasarkan waranti yang telah kami berikan dan waranti ini tidak akan menghalang MTIB daripada mengambil sebarang tindakan melalui kuatkuasa undang-undang (I/we are aware that MTIB issues this certificate based on the warranty provided by us and this warranty does not preclude MTIB from taking any action according to laws).				
Tandatangan pemohon: (Applicant Signature)		Cop Syarikat (Company Stamping)		
Nama Pemohon: (Applicant Name)				
No. KP / Passport: (IC No. / Passport)				
No. Telefon (Telephone No.):		Tarikh: (Date)		
Nota (Notes) • Fi perkhidmatan ke atas setiap pengeluaran Sijil MyTLAS sebanyak RM100.00 (A service charge is required on the issuance of a MyTLAS Certificate are RM100.00) • Fi perkhidmatan permohonan lewat sebanyak RM10 (Fee for late submission is RM10.00) • Borang ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat MTIB yang menjalankan pemeriksaan fizikal dalam masa 14 hari selepas pelepasan pemeriksaan (This form must be submitted to the MTIB Office that conducts the inspection within 14 days after the permit submitted to SMK) • Permohonan selepas tempoh 14 hari dianggap permohonan lewat. (Application after 14 days are late submission)		*Cara Pembayaran (Mode of Payment) ☐ Pemindahan Tunai Segera (Instant Fund Transfer) ☐ Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine) Nota (Notes): Rujuk no. Akaun pejabat MTIB yang mengeluarkan Sijil MyTLAS (Refer to MTIB account number based on MyTLAS certificate issuance office)		
E. UNTUK KEGUNAAN MTIB SAHAJA (FOR MTIB USE ONLY)				
Nama Penerima (Recipient's name)		Tarikh Bayaran Fi diterima (Date of Fee Paid)		
Tarikh Borang Diterima (Date Received Form)				

CONTOH SIJIL MyTLAS

 MTIB		No.MTIB 120901 ORIGINAL
MyTLAS CERTIFICATE MALAYSIAN TIMBER LEGALITY ASSURANCE SYSTEM (PENINSULAR MALAYSIA)		
1. Issuing Authority (name and address) MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD LEVEL 13-17, MENARA PGRM NO 8 JLN. PUDU ULU CHERAS 55100 KUALA LUMPUR MALAYSIA TEL : 603-92822235 FAX : 603-92883769		2. For the Purpose of the Issuing Country #2 No (where applicable) Destination : UNITED KINGDOM Importer (Name and Address):
3. MyTLAS Certificate Number		4. Date of Expiry 27 February 2024
5. Country of Export UNITED KINGDOM (PENINSULAR MALAYSIA)		7. Means of Transport BY SEA
6. ISO Code GB		
8. Licensee (Name and Address)		
9. Commercial Description of the Timber Product WOODEN FURNITURE - BEDROOM WOOD (FURNITURE - RUBBERWOOD		10. HS Heading 9403600000
11. Common or Scientific Names RUBBERWOOD	12. Countries of Harvest MALAYSIA	13. ISO Codes MY
14. Volume (m3) 64.7706	15. Gross Weight (kg) 14974.43	16. Number of Units 1194 CARTON
17. Distinguishing Marks Invoice No :		
18. Signature and Stamp of Issuing Authority		
Signed by :	 AHMAD KAMIL ASMUNI	Authority Stamp : (Place of Issuance) 
Designation :	LICENSING OFFICER	
Date Of Issue :	29 NOVEMBER 2023	

This Certificate attests that this assignment is produced in accordance with the relevant laws and legislations of Malaysia
 Licensing Authority : Malaysian Timber Industry Board (MTIB) Tel: 603-92822235 Email : mytlas@mtib.gov.my

Disetak oleh Printed by :

KAMIL, 29 Nov 23



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD)
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
www.mtib.gov.my

Lampiran 4

BORANG B

BORANG PERMOHONAN PINDAAN MAKLUMAT / PENGANTIAN SIJIL MyTLAS
(APPLICATION FOR AMENDMENT / REPLACEMENT OF MyTLAS CERTIFICATE)

A. MAKLUMAT PEMOHON (APPLICANT INFORMATION)			
Nama Syarikat Pengeksport (Company Name)			
Alamat Syarikat (Company Address)			
Emel (Email)			
No. ID Permit Eksport (Export Permit ID No.)		No. Siri Sijil MyTLAS (MyTLAS Cert Serial No.)	
B. BUTIRAN PERMOHONAN PINDAAN (DETAILS OF AMENDMENT APPLICATION)			
Maklumat Asal (Original info)			
Maklumat Baru - Pindaan (New info - Amendment)			
C. BUTIRAN PENGANTIAN (DETAILS OF REPLACEMENT APPLICATION)			
Sebab Pengantian (Replacement Reason)			
Rujuk Laporan Polis (Reference of police report)			
D. BUTIRAN PEMBAYARAN (PAYMENT DETAILS)			
Tarikh pembayaran (Date of Payment)			
Rujukan (Reference)			
E. PERAKUAN (ACKNOWLEDGEMENT)			
*Sila tandakan [✓] pada ruangan yang disediakan (Please tick in fill box) ☐ *Saya/ Kami mengakui butiran permohonan ini adalah benar (I/ We declare that the information provided in this application is genuine)			
Tandatangan pemohon (Applicant Signature)		Cop Syarikat (Company Stamping)	
Nama Pemohon (Applicant Name)			
No. KP / Passport (IC No. / Passport)			
No. Telefon (Telephone No.)			
Tarikh (Date)			
Nota (Note): - Butiran dibenarkan pinda (Informations allowed to be amended) - Item 7 - Mod pengangkutan (Means of Transportation) - Item 15 - Berat kasar (gross weight) - Item 17 - Tanda pada kayu (Distinguishing marks) - Majukan surat rasmi syarikat bersama borang permohonan kepada Pejabat MTIB yang mengeluarkan Lesen MyTLAS asal dengan melampirkan Sijil MyTLAS asal, laporan polis (untuk pengantian), Lesen Eksport MTIB, inbois dan senarai pembungkusan yang baru (Submit the application form to the MTIB Office that issued the MyTLAS Cert with the original MyTLAS Cert, police report (replacement purpose), MTIB Export License, new invoice and packing list) Fi perkhidmatan pindaan dan pengantian Sijil MyTLAS RM110.00 dibayar setelah mendapat kelulusan pindaan/pengantian (A service charge RM110.00 is paid after obtaining the approval of the amendment/replacement MyTLAS Cert)		* Cara Pembayaran (Mode of Payment) ☐ Pemindahan Tunai Segera (Instant Fund Transfer) ☐ Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine)	
		Nota (Notes): Rujuk no. Akaun pejabat MTIB yang mengeluarkan Sijil MyTLAS (Refer to MTIB account number based on MyTLAS certificate issuance office)	
E. UNTUK KEGUNAAN MTIB SAHAJA (FOR MTIB USE ONLY)			
Nama Penerima (Recipient's name)		Tarikh Bayaran Fi diterima (Date of Fee Paid)	
Tarikh Borang Diterima (Date Received)			

**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA***(MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD)*

Kementerian Perlindungan dan Komoditi

www.mtib.gov.my**Lampiran 5****BORANG C****BORANG PERMOHONAN PERLANJUTAN TEMPOH SAH SIJIL MyTLAS***(EXTENSION FOR VALIDITY PERIOD OF MyTLAS CERTIFICATE)*

A. MAKLUMAT PEMOHON <i>(APPLICANT INFORMATION)</i>			
Nama Syarikat Pengeksport <i>(Company Name)</i>			
Alamat Syarikat <i>(Company Address)</i>			
Emel <i>(Email)</i>			
No. ID Permit Eksport <i>(Export Permit ID No.)</i>		No. Siri Sijil MyTLAS <i>(MyTLAS Cert Serial No.)</i>	
B. BUTIRAN PERLANJUTAN TEMPOH <i>(DETAILS OF EXTENSION APPLICATION)</i>			
Sebab Perlanjutan <i>(Extension Reason)</i>			
Tarikh Tamat Tempoh Asal <i>(Actual Expiration Date)</i>			
Tarikh Tamat Tempoh Dipohon <i>(New Expiration Date)</i>			
C. BUTIRAN PEMBAYARAN <i>(PAYMENT DETAILS)</i>			
Tarikh pembayaran <i>(Date of Payment)</i>			
Rujukan <i>(Reference)</i>			
D. PERAKUAN <i>(ACKNOWLEDGEMENT)</i>			
*Sila tandakan [☐] pada ruangan yang disediakan <i>(Please tick in fill box)</i> ☐ *Saya/ Kami mengakui butiran permohonan ini adalah benar <i>(I/ We declare that the information provided in this application is genuine)</i>			
Tandatangan pemohon <i>(Applicant Signature)</i>		Cop Syarikat <i>(Company Stamping)</i>	
Nama Pemohon <i>(Applicant Name)</i>			
No. KP / Passport <i>(IC No. / Passport)</i>			
No. Telefon <i>(Telephone No.)</i>			
Nota <i>(Note)</i> :		* Cara Pembayaran <i>(Mode of Payment)</i>	
- Majukan surat rasmi syarikat bersama borang permohonan kepada Pejabat MTIB yang mengeluarkan Lesen MyTLAS asal dengan melampirkan Sijil MyTLAS asal, Lesen Eksport MTIB, inbois, senarai pembungkusan yang baru dan lain-lain dokumen sokongan <i>(Submit the application via official letter with form C to the MTIB Office that issued the MyTLAS Cert with the original MyTLAS Cert, MTIB Export License, new invoice, packing list and other supporting documents)</i> - Fi perkhidmatan perlanjutan tempoh Sijil MyTLAS RM110.00 dibayar setelah mendapat kelulusan perlanjutan tempoh <i>(A service charge RM110.00 is paid after obtaining the approval of the extension period of validity MyTLAS Cert)</i>		☐ Pemindahan Tunai Segera <i>(Instant Fund Transfer)</i>	
		☐ Mesin Deposit Tunai <i>(Cash Deposit Machine)</i>	
		Nota <i>(Notes)</i> : Rujuk no. Akaun pejabat MTIB yang mengeluarkan Sijil MyTLAS <i>(Refer to MTIB account number based on MyTLAS certificate issuance office)</i>	
E. UNTUK KEGUNAAN MTIB SAHAJA <i>(FOR MTIB USE ONLY)</i>			
Nama Penerima <i>(Recipient's name)</i>		Tarikh Bayaran Fi diterima <i>(Date of Fee Paid)</i>	
Tarikh Borang Diterima <i>(Date Received)</i>			